

14 JUN, 2026

Setiap keputusan, tindakan beri kesan langsung 4 juta Bangsa Johor

Berita Harian Ahad, Malaysia



Setiap keputusan, tindakan beri kesan langsung 4 juta Bangsa Johor

Soalan (S): Bagaimana Datuk melihat kerjasama antara kerajaan negeri dan Istana Johor bagi memastikan kelancaran pentadbiran negeri?

Jawapan (J): Johor sangat unik kerana hubungan Istana dengan pentadbiran saya pemimpin sangat rapat. Saya melapor, mendapatkan nasihat daripada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Pemangku Sultan Johor, hampir setiap minggu. Hampir setiap minggu, malah ada kalanya selang sehari, saya menerima panggilan Yang di-Pertuan Agong serta Tunku Mahkota Johor.

Setiap kali saya berdepan dengan cabaran dalam pentadbiran negeri, baginda sentiasa meluangkan masa memberikan nasihat dan panduan. Perkaranya amat penting kerana setiap keputusan dan tindakan dibuat pada peringkat negeri memberi kesan secara langsung kepada kira-kira empat juta Bangsa Johor.

S: Jika perlu memilih satu reformasi atau perubahan dasar yang mampu memberikan impak terbesar kepada Johor, apakah perkara itu?

J: Kami kekal konsisten dengan agenda Enam Teras Maju Johor. Saya, barisan EXCO, pegawai kanan kerajaan sehingga peringkat daerah dan mukim menggunakan konsep ini dalam usaha membangunkan negeri. Apa sahaja isu dihadapi rakyat pada peringkat akar umbi ditangani melalui pendekatan ini.

Satu lagi teras amat penting bagi saya ialah pembangunan Orang Muda Johor. Golongan belia merangkumi antara 40 hingga 50 peratus

daripada keseluruhan penduduk Johor. Sultan Johor serta Tunku Mahkota Johor sentiasa menegaskan pendidikan rakyat perlu diberi perhatian serius. Kita perlu meningkatkan kualiti pendidikan kerana jika mahu menjadi negeri maju, pendidikan jadi elemen yang sangat penting.

S: Bagaimana kerajaan negeri menguruskan pembangunan berkaitan permintaan tenaga, sumber air dan kesan terhadap alam sekitar susulan perkembangan industri pesat di Johor?

J: Di Johor, bagi setiap pelaburan yang masuk, kita menubuhkan Investment Malaysia Facilitation Centre Johor (IMFC-J). Saya mahu tegaskan Johor bukan tempat menerima sebarang pelaburan tanpa tapisan. Kami hanya menilai dan menerima pelaburan memberi impak serta nilai tinggi.

Dalam soal tenaga, kerajaan negeri bertindak secara bertanggungjawab. Kami tidak meluluskan setiap cadangan yang diterima. Sebagai contoh, bagi pusat data, kita tidak menerima pelaburan menggunakan teknologi lama. Kami hanya menerima pelabur menggunakan teknologi mengurangkan penggunaan air. Kini terdapat sistem penyjukan berasaskan udara lebih efisien berbanding penggunaan air, sekali gus mengurangkan keperluan sumber air.

Dari segi tenaga pula, kami mengetahui kapasiti bekalan tersedia dan mengadakan perbincangan dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB). Manakala bagi isu air, setiap permohonan akan dibincang-



kan bersama Ranhill SAJ sebelum sebarang kelulusan diberikan.

Terdapat satu jawatankuasa khas dan pasukan petugas khusus memantau perkara ini. Tiga EXCO menganggotai pasukan terbabit iaitu EXCO bertanggungjawab terhadap air, elektrik dan pelaburan, termasuk Ting Han. Malah, EXCO yang menjaga pihak berkuasa tempatan (PBT) juga turut berada dalam jawatankuasa berkenaan.

Setiap pelaburan yang masuk perlu melalui proses penilaian yang ketat berdasarkan senarai semak tertentu bagi memastikan hanya pelaburan yang tidak memberi kesan negatif terhadap penggunaan air dan bekalan elektrik negeri diluluskan.

S: Apakah kelebihan atau nilai unik dimiliki Johor berbanding lokasi lain seperti Vietnam, Thailand dan Indonesia?

J: Angka pelaburan direkodkan membuktikan kedu-

dukannya Johor. Sejak dahulu Johor mempunyai beberapa kelebihan utama antaranya kedudukan geografi sangat strategik kerana bersebelahan Singapura. Kita juga mempunyai sumber mencukupi, sama ada dari segi tanah mahupun modal insan. Kini, menerusi Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ), kami meletakkan Johor bukan sahaja sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri dan negara, malah berpotensi menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara.

Kami turut belajar daripada negara maju. Saya masih ingat, sejeurus selepas JS-SEZ dimeterai, saya terus ke Shenzhen, China. Shenzhen adalah kawasan ekonomi khas. Ia bermula sebagai perkampungan nelayan, namun selepas empat dekad, berkembang menjadi antara ekonomi paling pesat di dunia sehingga Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK) mengatasi Hong Kong.

Saya menyedari Johor bermula pada tahap jauh lebih baik berbanding Shenzhen ketika mereka memulakan pembangunan dahulu. Kita mempunyai pelbagai kekuatan boleh dimanfaatkan. Antara perkara saya perhatikan ialah sebelum ini banyak agensi bekerja secara berasingan. Agensi Persekutuan bergerak dengan haluan masing-masing, manakala agensi negeri juga begitu. Tiada sinergi, kerjasama dan matlamat bersama.

Sebab itu kami tubuhkan IMFC-J untuk memastikan urusan perniagaan menjadi lebih mudah. IMFC-J berfungsi sebagai pusat sehati untuk pelabur. Mereka boleh bertemu Pejabat Tanah, pihak berkuasa tempatan (PBT), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi urusan insentif, serta pelbagai agensi berkaitan untuk menyelesaikan isu dihadapi. Melalui JS-SEZ, kita saling melengkapi dan bekerjasama sebagai satu pasukan.